

## KUPASAN PEMAKAIAN SERBAN KETIKA MENUNGGANG MOTOSIKAL BERDASARKAN FIQH KEUTAMAAN

**Basri Ibrahim\***  
**Wan Mohd Yusuf Wan Chik\*\***  
**Muhamad Zaid Ismail\*\*\***

### ABSTRACT

*This article aims to analyse if wearing a turban while riding a bike is suitable from the fiqh perspective. Wearing a turban while riding a bike opposes with two forms of Sunnah; Sunnah in Muslim dress code and Sunnah in ensuring life safety. This issue has drawn much attention from numerous parties in our country. This article is based on both library and field research. The library research focused on collecting and analyzing all related information, while field research primarily focused on interviews with the Terengganu State, Director of Road Transport Department. This article proves that wearing turban is inappropriate while riding/operating a bike as it is unable to protect the head area especially the brain from anticipated injuries in the event of an accident. The probability of getting injured in the head is lower when a helmet is worn. Muslims should abide to the current law enforcement set by the authorities in the interest of their own road safety.*

**Keywords:** *helmet, turban, Sunnah, priority of fiqh, life safety*

---

\* Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia, basri@udm.edu.my.

\*\* Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia.

\*\*\* Lecturer, Department of Education and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia.

## PENDAHULUAN

Memakai serban dikaitkan dengan ulama Islam dan sunnah Rasulullah SAW. Selain daripada itu, pelajar sekolah agama termasuklah sekolah pondok juga dikaitkan dengan pemakaian serban, walaupun tidak kesemuanya berbuat demikian. Peristiwa seorang pelajar Pondok di Pasir Tumboh, Kelantan disaman oleh pihak polis pada 19 Januari 2009 yang lalu ketika sedang menunggang motosikal di luar kawasan pondoknya menarik perhatian orang ramai. Mahkamah Majistret Kota Bharu memerintahkan pelajar tersebut dipenjarakan dua hari setelah enggan membayar saman atas kesalahan menunggang motosikal dengan berserban.<sup>1</sup> Menurut Ketua Polis Negara, tindakan polis menyaman pelajar berkenaan bagi mengelak wujudnya trend pelajar sekolah, menjadikan alasan sama untuk tidak memakai topi keselamatan itu. Ini kerana semakin ramai pelajar khususnya dari sekolah agama yang cenderung untuk tidak memakai topi keledar dengan alasan memakai serban. Perkara tersebut tidak patut berlaku kerana melibatkan soal keselamatan dan nyawa pengguna semasa di jalanraya.<sup>2</sup>

Soalannya sejauhmanakah pemakaian serban termasuk dalam sunnah Rasulullah SAW dan kalau termasuk ke dalam sunnah Rasulullah SAW, adakah wajar dipakai ketika sedang menunggang motosikal di jalan raya besar yang sibuk dengan berbagai-bagai kenderaan berat dan ringan sehingga mendedahkan diri kepada kehilangan nyawa?

Objektif kajian ini ialah menjelaskan kedudukan pemakaian serban sama ada termasuk ke dalam sunnah Rasulullah SAW ataupun tidak dan kesesuaian pemakaiannya ketika menunggang motosikal di jalan raya yang sibuk berdasarkan kepada fiqh keutamaan.

Isu mengikut sunnah dalam berpakaian khususnya memakai serban, sudah banyak disentuh dalam kitab-kitab fiqh seperti *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu* oleh al-Zuḥaylī (1985) dan *al-Libās Wa al-Zīnah Min al-Sunnah al-Muṭahharah* oleh Muḥammad ‘Abd al-Ḥākīm al-Qādī (1989), hadis seperti *Nayl al-Awṭār* oleh al-Syawkānī (2004) dan Uṣūl Fiqh seperti *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh* (1987) dan lain-lain. Antara penulisan tentang pemakaian serban yang agak terperinci yang ditemui di dalam bahasa Melayu ialah buku bertajuk *Mengapa Tidak Berserban* hasil karya Muhamad Nur Lubis (1999). Walau

---

<sup>1</sup> “Pakai Serban: Pelajar Enggan Bayar Saman”, <http://www.utusan.com.my/>, 20 Januari 2009.

<sup>2</sup> “Saman Pelajar Berserban Agar Elak Jadi Trend”, <http://www.utusan.com.my/>, 20 Januari 2009.

bagaimanapun, pengkaji tidak akan membincangkan sejarah serban dan orang-orang yang memakainya secara terperinci dan juga tidak akan menganalisis cara penghakiman yang dilakukan di dalam kes di atas yang tertumpu kepada kekeliruan takrifan lebai atau guru agama<sup>3</sup> yang diberi pengecualian daripada memakai topi keledar dalam undang-undang jalan raya. Sebaliknya, pengkaji akan menumpukan kepada kupasan berkaitan kedudukan pemakaian serban dan kesesuaian pemakaiannya ketika menunggang motosikal di jalan raya yang sibuk berdasarkan Fiqh Keutamaan tanpa mengira sama ada yang berserban itu pelajar, kanak-kanak, orang tua mahupun lebai, sebagaimana yang dinyatakan di dalam objektif kajian sebelum ini.

Data di dalam penulisan ini diperolehi daripada kajian dokumentasi terhadap kitab-kitab fiqh dan hadis muktabar berkaitan dengan pemakaian serban dan temu bual dengan Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu. Data ini dianalisa seterusnya dibuat rumusan.

## DEFINISI SERBAN

Serban ialah kain yang diikat di kepala<sup>4</sup> atau sehelai kain panjang yang digunakan untuk menutup bahagian separuh atas kepala<sup>5</sup>. Serban ialah istilah yang digunakan di Malaysia yang dianggap suci dan tidak boleh dipijak sewenang-wenangnya. Kebiasaannya dipakai oleh mereka yang baru balik mengerjakan haji.<sup>6</sup>

## Pemakaian Serban Oleh Rasulullah

Rasulullah SAW memakai serban. Antara hadis yang menjelaskan tentang pemakaian serban oleh Rasulullah SAW ialah hadis yang diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abd Allah al-Anṣāriy (r.a):

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم دخل مكة وقال قتيبة دخل يوم فتح مكة وعليه  
عمامة سوداء بغير إحرام

<sup>3</sup> “Saman Pelajar Pondok, Elak Penunggang Jadikan Sarban Trend”, <http://www.utusan.com.my/>, 21 Januari 2009.

<sup>4</sup> Kamus Dewan (2007), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1467.

<sup>5</sup> ‘Abd al-Mun‘im (1419H/1999M), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt Wa al-alfāz al-Fiqhiyyah*, j. 2. al-Qāhira: Dār al-Fadīlah, h. 539.

<sup>6</sup> “Serban”, <http://ms.wikipedia.org/wiki/>, 6 April 2009.

*“Rasulullah SAW memasuki kota Mekah dengan memakai serban berwarna hitam tanpa melakukan ihram”.*<sup>7</sup>

‘Amrū bin Jurayth pernah meriwayatkan daripada bapanya:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم خطب الناس وعليه عمامة سوداء

*“Rasulullah SAW pernah menyampaikan khutbah dengan memakai serban berwarna hitam”.*<sup>8</sup>

‘Amrū bin Jurayth juga meriwayatkan daripada bapanya:

رأيت النبي صلى الله عليه وسلم على المنبر وعليه عمامة سوداء قد أرخى طرفها بين كتفيه

*“Saya pernah melihat Rasulullah SAW berada di atas minbar dengan memakai serban berwarna hitam di mana bahagian ekornya dibiarkan berada di antara dua bahunya”.*<sup>9</sup>

Ibn ‘Abbās (r.a) meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda:

اعتموا تزدادوا حلما

*“Berserbanlah, nescaya anda akan bertambah sopan santun”*<sup>10</sup>

Ibn ‘Umar (r.a) meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda:

عليكم بالعمائم فإنها سيماء الملائكة , وأرخوا لها خلف ظهوركم

*“Hendaklah anda sekelian berserban, kerana sesungguhnya ia adalah simbol para malaikat dan hulurkanlah ekornya pada bahagian belakang*

<sup>7</sup> Muslim (1401H/1981M), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 1, Kitāb al-Ḥajj, no. hadis 1358. Istanbul: Cagri Yayinlari, h. 990.

<sup>8</sup> *Ibid.*, j. 1, Kitāb al-Ḥajj, no. hadis: 1359, h. 990.

<sup>9</sup> ‘Abu Dāwūd (1371H/1952M), *Sunan Abī Dāwūd*, j. 4, Kitāb al-Libās, no. hadis 4077. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 54.

<sup>10</sup> Al-Ṭabrānī (1422H/2002M), *al-Mu‘jam al-Kabīr*, j. 2, no. hadis 13418. Bayrūt; Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiy, hh. 292-293. Menurut Ibn Ḥajar al-Asqalānī, al-Bukhārī menghukumkan hadis ini adalah hadis *ḍa‘īf* dan hukuman al-Ḥākim yang menyatakan *isnadnya ṣaḥīḥ*, adalah tidak tepat. Malah hadis yang menyokongnya juga adalah *ḍa‘īf*, Al-‘Asqalānī (1407H), *Fath al-Bāri Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 16. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah, h. 356.

anda.”<sup>11</sup>

Hadis-hadis lain tentang serban boleh ditemui dalam kitab-kitab berikut:

- a) *Al-Libās Wa al-Zīnah*<sup>12</sup> dan *Zād al-Ma‘ād* yang mengandungi hadis-hadis berkaitan dengan bentuk serban Rasulullah SAW, warna dan juga nama serban tersebut.<sup>13</sup>
- b) *Al-Syamā‘il al-Muḥammadiyyah* yang mengandungi hadis berkaitan bentuk serban Rasulullah SAW dan juga keadaan bila baginda SAW memakainya.<sup>14</sup>

Dari segi cara memakai serban, menurut al-Mubārakpūrī, masyarakat Arab memakai serban termasuk musyrikin Quraisy dan kabilah-kabilah Arab yang lain dan dari sudut ini adalah sama dengan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, namun dilihat dari segi cara pemakaiannya, adalah lain dan berbeza. Rasulullah SAW memakai dan membuat lilitan serban kepada Sayyiduna Ali dan membiarkan ekor serbannya menjulur keluar pada bahagian belakangnya, sebelum mengutus menantu baginda SAW itu ke Khaybar dalam ekspedisi dakwah, sedangkan masyarakat Arab pada masa itu tidak berbuat demikian.<sup>15</sup>

Menurut Ibn Qayyim, Rasulullah SAW memakai serban yang terdapat songkok Yaman di tengahnya. Kadang-kadang baginda memakai songkok sahaja tanpa memakai serban. Kadang-kadang juga memakai serban sahaja tanpa songkok. Apabila berserban pada kebiasaannya baginda akan menghulurkan ekor serban di antara dua bahunya. Baginda SAW memakainya pada kebanyakan masa dan kadang-kadang juga tidak memakainya.<sup>16</sup>

Berdasarkan keterangan di atas jelas Rasulullah SAW memang memakai serban kerana hadis-hadis yang menjelaskan baginda memakai serban adalah *ṣaḥīḥ*. Antara warna serban yang menjadi pilihan baginda ketika menyampaikan khutbah ialah warna hitam dan baginda menghulurkan ekor

---

<sup>11</sup> Al-Ṭabrānī (1422H/2002M), *op.cit.*, j. 1, h. 190. Hadis ini menurut al-Mubārakpūrī adalah *mawḍū‘*, al-Mubārakpūrī (1410H/1990M), *Tuḥfah al-Ahwazī Syarah Jāmi‘ al-Tirmidhī*. j. 5. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hh. 336-337.

<sup>12</sup> Al-Qāḍī (1409H/1989M), *al-Libās Wa al-Zīnah Min al-Sunnah al-Muṭahharah*. al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, hh. 123-131.

<sup>13</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1422H/2005M), *Zād al-Ma‘ād Fī Hadyi Khayr al-‘Ibād*, j. 1. al-Qāhirah: Dār al-Haitham, h. 47.

<sup>14</sup> Al-Tirmidhī (1420H/1990H), *al-Syamā‘il al-Muḥammadiyyah*, al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Maṭbū‘ah al-Ḥadīthah, hh. 82-83.

<sup>15</sup> Al-Mubārakpūrī (1410H/1990M), *op. cit.*, j. 5, h. 336. Hadis ini dihasankan oleh al-Imām al-Suyūṭī.

<sup>16</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1422H/2005M), *op. cit.*, h. 43.

serban ke bahagian belakangnya. Walau bagaimanapun hadis-hadis yang menganjurkan pemakaian serban, adalah *da'if* dan ada juga yang *mawdu'k*. Walaupun demikian, hadis *da'if* boleh diamalkan di dalam bab *Faḍā'il al-'Amal* (mencari kelebihan beramal). Malah menurut al-Qaraḍāwī ulama hadis sepatutnya harus beramal dengan hadis *da'if* dalam bab *al-Tarḥīb Wa al-Tarḥīb* (mencegah beramal dan meninggalkan amalan yang dilarang) sebagaimana yang dijelaskan di dalam *al-Azkār* hasil karya al-Imām al-Nawawiy, *Insān al-'Uyūn* hasil karya Burhān al-Dīn al-Ḥalabiy, *al-Asrār al-Muḥammadiyah* hasil karya Ibn Fakhr al-Dīn al-Rūmī dan lain-lain.<sup>17</sup> Walau bagaimanapun, perlu meraikan syarat-syaratnya iaitu tidak terlalu lemah, berada dalam bayangan asas umum perundangan Islam dan tidak boleh menyakini yang hadis itu sabit daripada Rasulullah SAW, sewaktu beramal dengannya.<sup>18</sup>

### **Hukum Memakai Serban**

Sehubungan dengan perbincangan di atas, ulama Islam berselisih pendapat tentang hukum memakai serban antara yang menganggapnya sebagai termasuk ke dalam sunnah dengan yang menganggapnya sebagai adat sahaja. Al-Shawkānī misalnya menghukumkan memakai serban sebagai sunnah yang sunat dan digalakkan, berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan menerusi 'Amrū bin Jurayth di atas.<sup>19</sup>

Menurut Muhammad Rasyīd Reḍā, memakai serban termasuk ke dalam adat kebiasaan dan bukan perintah agama. Tidak ada perintah yang kuat supaya umat Islam memakai serban sebagai satu hukum agama dan syariat, kerana hadis yang berkaitan dengan galakan memakainya adalah *da'if*. Namun jika seseorang melakukannya dengan tujuan meniru cara berpakaian Rasulullah SAW sebagai melahirkan tanda cinta kepada baginda SAW, orang itu diberi pahala dari sisi Allah SWT.<sup>20</sup>

'Abd al-'Azīz bin Bāz, bekas Mufti Kerajaan Arab Saudi juga mempunyai pendapat yang sama dengan Muhammad Rasyīd Reḍā. Bagi beliau, pemakaian

<sup>17</sup> Al-Qaraḍāwī (1412H/1992M), *al-Madkhal Li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyah*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 101.

<sup>18</sup> Al-Khaṭīb (1414H/1994M), *Uṣūl al-Ḥadīth 'Ulūmuhu Wa Muṣṭalahuhu*. Jeddah: Dār al-Manārah Li al-Nashri Wa al-Tawzī', hh. 374-375.

<sup>19</sup> Al-Shawkānī (1415H/1995), *Nayl al-Awṭār Min Aḥādīth Sayyīd al-Akhyār Syarah Muntaqā al-Akḥbār*, j. 2, c. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 110.

<sup>20</sup> Reḍā (1970), *Fatāwā Muḥammad Rasyīd Reḍā*, j.2. al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Jadīdah, h. 764.

serban termasuk ke dalam adat orang-orang Arab sahaja dan tidak termasuk ke dalam amalan sunnah. Harus kepada seseorang Islam memakainya dan harus juga tidak memakainya.<sup>21</sup> Ibn Uthaymin juga mempunyai pendapat yang sama dengan ‘Abd al-‘Azīz bin Bāz. Bagi beliau, tidak terdapat sebarang hadis yang menyarankan dan menggesa umat Islam memakai serban.<sup>22</sup> Begitu juga dengan pendapat Majlis Fatwa Kerajaan Arab Saudi. Orang Islam tidak diwajibkan memakai serban sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, sebaliknya boleh memakai pakaian yang biasa dipakai oleh masyarakat Islam di negara-negara Islam, asal sahaja bukan pakaian yang diharamkan oleh syarak. Ini dapat dilihat di dalam fatwa nombor 44.<sup>23</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būfī juga sependapat dengan ‘Abd al-Azīz bin Bāz.<sup>24</sup>

Pengkaji lebih cenderung kepada pandangan al-Shawkānī, kerana yang dikatakan sunnah Rasulullah (s.a.w ) ialah segala apa yang datang daripada Rasulullah SAW sama ada berbentuk perkataan, perbuatan mahupun perakuan.<sup>25</sup> Sunnah yang berbentuk perbuatan pula dapat dibahagikan antaranya kepada tiga bahagian iaitu:

- a) Perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh Baginda sama dengan manusia biasa seperti bangun, duduk, makan, minum dan seumpamanya. Perbuatan ini adalah perbuatan yang harus sahaja diikuti oleh umat Islam, kerana tidak bertujuan perundangan. Mengikut perbuatan yang dilakukan oleh Baginda ini, tidak ada apa-apa kesalahan dan jika tidak mengikut, juga tidak ada apa-apa kesalahan, asalkan tidak disertai oleh unsur penghinaan.
- b) Perbuatan yang khusus dilakukan Baginda dan terdapat dalil yang mengkhususkannya untuk Baginda sahaja seperti berkahwin dengan 9 orang perempuan. Perbuatan ini haram diikuti oleh umat Islam.
- c) Perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW bertujuan untuk menjelaskan sesuatu perundangan seperti perbuatan-perbuatan dalam solat, haji dan seumpamanya. Ia mengikut hukum perbuatan

---

<sup>21</sup> "Ḥukm Labsi al-‘Imāmah Fī al-Islām", <http://www.binbaz.org>. 8 April 2009.

<sup>22</sup> Maktabah Fatwā, <http://www.ibnothaimeen.com/>, 9 April 2009.

<sup>23</sup> <http://www.alifta.com/>, 9 April 2009.

<sup>24</sup> Al-Būfī, "Ḥukm Labsi al-‘Imāmah", <http://www.bouti.com/qsearch.php>. 3 Jun 2009.

<sup>25</sup> Zaydān (1423H/2002M), *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 161.

yang dilakukan oleh Rasulullah SAW itu sendiri. Jika hukumnya wajib seperti solat, melakukannya bagi umat Islam adalah wajib dan jika sunat, hukumnya juga sunat.<sup>26</sup>

Berdasarkan kepada keterangan di atas, memakai serban termasuk ke dalam amalan sunnah yang harus diikuti oleh umat Islam. Hukum harus juga merupakan sebahagian daripada sunnah dan sebahagian daripada hukum yang terdapat dalam perundangan Islam iaitu wajib, haram, makruh, sunat dan harus. Cuma tuntutan melakukannya sahaja yang tidak kuat. Orang yang memakainya dengan tujuan mengikut sunnah Nabi SAW akan diberi pahala dari sisi Allah SWT. Ini selaras dengan firman Allah SWT yang menggesa umat Islam mengikut sunnah Rasulullah SAW.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

وَدَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”*

(Surah al-Aḥzāb, 33: 21)

Al-Qaraḍāwī berpendapat seandainya seseorang mengikut apa yang dilakukan oleh Nabi SAW sekalipun apa yang dilakukan oleh Baginda SAW itu bukan bertujuan mendekati diri kepada Allah SWT, kerana kesempurnaan rasa cintanya kepada Nabi SAW dan kesungguhannya mengikut apa saja yang dilakukan oleh Baginda, perbuatan tersebut adalah perbuatan terpuji, sekalipun tidak dituntut melakukannya. Perbuatannya itu tidak boleh ditolak, kerana apa yang dilakukannya itu adalah kebaikan. Namun begitu, orang yang melakukannya tidak boleh memaksa orang lain melakukan apa yang dilakukannya itu atau menolak orang yang tidak melakukannya atau menganggap apa yang dilakukannya itu adalah sebahagian daripada intipati agama.<sup>27</sup>

<sup>26</sup> Al-Jizānī, Muḥammad bin Ḥusayn bin Hasan (1416H/1996M), *Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh*. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār Ibn Jawzi, hh. 131-132.

<sup>27</sup> Al-Qaraḍāwī (1420H/1999M), *al-Sunnah Wa al-Bid‘ah*. al-Qāhīrah: Maktabah Wahbah, hh. 16-17.



## DEFINISI FIQH KEUTAMAAN

Fiqh Keutamaan membawa maksud memahami dan meletakkan sesuatu pada tempatnya secara adil, sama ada hukum-hakam, nilai-nilai dan juga amalan, berdasarkan kepada neraca syarak. Dalam Fiqh Keutamaan, perkara yang kurang penting tidak boleh didahulukan mengatasi yang lebih penting dan yang kurang kuat tidak boleh diletakkan melebihi yang lebih kuat dan seumpamanya. Tidak boleh didahulukan perkara yang sepatutnya dilewatkan dan tidak boleh dilewatkan perkara yang sepatutnya didahulukan. Tidak boleh diperbesarkan perkara yang kecil dan tidak boleh dipandang kecil perkara yang besar.<sup>28</sup>

### Kepentingan Fiqh Keutamaan

Fiqh Keutamaan sangat penting diketahui oleh umat Islam di zaman ini dalam semua bidang dan aktiviti termasuklah ketika berada di jalanraya, supaya segala sesuatu itu dapat dilakukan menurut kepentingan dan keutamaannya. Dengan itu kehidupan masyarakat dapat berjalan dengan baik dan lancar dan segala pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan secara teratur. Ini kerana segala nilai, amalan dan taklif syarak tidak berada pada satu tahap sahaja. Ada yang besar dan ada yang kecil. Ada yang asas dan ada yang cabang. Ada yang rukun dan ada penyempurna. Ada yang paling tinggi dan ada yang paling rendah. Ada yang lebih baik dan ada yang kurang baik. Setiap satunya perlu diletakkan pada tempatnya dan tidak boleh didahulukan dari yang lain yang tidak berada pada tahapnya.<sup>29</sup> Jika kesemua ini diinteraksi dengan satu tahap sahaja, sudah tentu akan merosakkan kehidupan manusia. Firman Allah SWT:

﴿ أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَجَاهَدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ  
الظَّالِمِينَ ﴾ ﴿١١﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿١٢﴾

<sup>28</sup> Al-Qaradāwī (1995), *Fī Fiqh al-Awlawiyāt Dirāsah Jadīdah Fī Ḍaw'i al-Qur'ān Wa al-Sunnah*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 9.

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 9.

“Adakah kamu sifatkan hanya perbuatan memberi minum kepada orang-orang yang mengerjakan Haji, dan (hanya perbuatan) memakmurkan Masjid Al-Haram itu sama seperti orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta berjihad pada jalan Allah? Mereka (yang bersifat demikian) tidak sama di sisi Allah, dan Allah tidak memberikan hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim. (Sesungguhnya) orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih besar dan tinggi darjatnya di sisi Allah (daripada orang-orang yang hanya memberi minum orang-orang Haji dan orang yang memakmurkan masjid sahaja); dan mereka itulah orang-orang yang berjaya”.

(Surah al-Tawbah, 9: 19-20)

Ayat di atas menjelaskan amalan jihad lebih afdal dan perlu diutamakan terlebih dahulu berbanding dengan amalan haji, kerana faedah jihad untuk ummah, manakala faedah haji untuk diri sendiri. Selain daripada itu, masalah dan mudarat juga mempunyai tahap-tahap yang berbeza. Yang lebih besar perlu diutamakan, manakala yang kecil dikemudiankan.

Kepentingan menjaga keutamaan dalam melaksanakan ajaran Islam ini banyak diperkatakan oleh ulama Islam dalam karya-karya mereka, walaupun tidak dinamakan sebagai *Fiqh al-Awlawiyāt* dan tidak tersusun rapi dalam sebuah karya yang lengkap sebagaimana yang berlaku pada kitab-kitab fiqh. Ia hanya diulas dalam bab tertentu. Misalnya al-Ghazālī menyentuhnya dalam bab *al-Ghurūr*,<sup>30</sup> ‘Iz al-Dīn ‘Abd al-Salām dalam bab *al-Maṣāliḥ Wa al-Mafāsīd*,<sup>31</sup> Ibn Qayyīm al-Jawziyyah dalam *Afḍal al-‘Ibādah*<sup>32</sup> dan lain-lain. Penulisan yang mantap, kemas, tersusun dan terperinci dilakukan oleh al-Qaraḍāwī dalam karyanya *Fiqh al-Awlawiyāt*.

<sup>30</sup> Al-Ghazālī (1406H/1986M), *Mukhtaṣar Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Bayrūt: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, hh. 209-216.

<sup>31</sup> ‘Abd al-Salām (1400H/1980M), *Qawā‘id al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-Anām*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Jīl, hh. 1-50.

<sup>32</sup> Ibn al-Qayyīm al-Jawziyyah (1392H/1972M), *Madārij al-Sālikīn Bayna Manāzil Iyyāka Na ‘budu Wa Iyyāka Nasta ‘in*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Arabiyy, hh. 88-89.

## Bentuk-Bentuk Fiqh Keutamaan

Fiqh Keutamaan mempunyai banyak bentuk. Antaranya:

### a. Keutamaan Asas Berbanding Cabang

Perkara akidah didahulukan berbanding dengan amalan, kerana akidah merupakan asas amalan dan Allah SWT tidak akan menerima amalan yang tidak diasaskan di atas landasan akidah yang benar.<sup>33</sup> Firman Allah SWT:

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ<sup>ط</sup> أَعْمَلُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ  
لَا يَقْدِرُونَ مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ<sup>ط</sup> ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ

“Bandingan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada hari ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedah pun dari apa yang mereka telah usahakan itu. Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran.”

(Surah Ibrāhīm, 14: 18)

Sehubungan dengan itu, tugas utama *siyāsah syar’iyyah*<sup>34</sup> ialah menanam iman yang benar ke dalam hati sanubari umat Islam terhadap Allah SWT dan kesempurnaanNya yang tidak pernah berakhir dan balasan yang disediakanNya di akhirat terhadap amalan yang dikerjakan manusia semasa hidup di dunia sama ada baik atau buruk.

### b. Keutamaan Menjaga Perkara *Ḍarūriyāt* Berbanding Dengan *Hājiyāt* Dan *Tahsīniyāt*

Perkara *Ḍarūriyāt* ialah perkara-perkara yang menjadi pergantungan utama kehidupan agama dan dunia manusia. Jika tidak ada perkara ini, kehidupan mereka akan menjadi cacat, nikmat akan menjadi sia-sia dan hukuman Allah SWT di akhirat akan dikenakan ke atas mereka seperti kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Perkara-perkara *hājiyāt* ialah perkara-perkara yang diperlukan manusia untuk menghapuskan kesukaran daripada kehidupan. Jika perkara-perkara ini tidak ada, kehidupan manusia berada di

<sup>33</sup> Al-Qaraḍāwī (1995), *op. cit.*, h. 308.

<sup>34</sup> *Siyāsah Syar’iyyah* bermaksud pengurusan yang dilakukan oleh pihak berkuasa dalam apa-apa bidang sekalipun yang bertepatan dengan tuntutan syarak termasuklah dalam urusan pentadbiran.

dalam kesukaran tetapi tidaklah tergendala sama sekali seperti kelonggaran untuk melafazkan kalimah kufur kepada orang yang dipaksa berbuat demikian, keharusan berbuka pada siang hari bulan Ramadan kepada orang musafir dan lain-lain. Perkara-perkara *taḥsīniyāt* ialah perkara-perkara yang melibatkan maruah, akhlak yang mulia atau perkara-perkara yang boleh mencantikkan adat dan kebiasaan seperti menutup aurat ketika menunaikan solat, memakai pakaian yang baik dan bau-bauan yang harum, melakukan berbagai-bagai amalan sunat dan lain-lain.

Antara perkara *darūriyāt* ialah nyawa.<sup>35</sup> Islam menjaga nyawa manusia dan mengharamkan sebarang bentuk pencerobohan dilakukan ke atasnya, sekalipun melibatkan janin yang masih berada di dalam perut ibunya dan hasil hubungan yang tidak sah di sisi syarak. Keperluan menjaga nyawa lebih besar dan perlu diutamakan berbanding dengan memakan makanan yang haram dan najis. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَيْزِيرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٥﴾

“*Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa), sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani*”.

(Surah al-Naḥl, 16: 115)

### c. Keutamaan Melakukan Amalan Wajib Berbanding Dengan Sunat

Amalan wajib perlu diutamakan berbanding dengan amalan sunat. Rasulullah SAW bersabda di dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Talhah bin Ubaydillah (r.a):

جاء رجل إلى رسول الله - صلى الله عليه وسلم - ، من أهل نجد ، نثر الرأس ،  
نسمع دوي صوته ، ولا نفقه ما يقول ، حتى دنا من رسول الله - صلى الله عليه  
وسلم - ، فإذا هو يسأل عن الإسلام ؟ فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم  
- : «خمس صلوات في اليوم والليلة». فقال : هل علي غيرهن ؟ قال : « لا ، إلا

<sup>35</sup> Al-Zuhaylī (1418H/1997M), *Naẓariyyah al-Ḍarūrah al-Syar‘iyyah Muqāranah Ma‘a al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, hh. 50-53.

أن تطوع». فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : « وصيام رمضان ». فقال : هل علي غيره ؟ قال : « لا ، إلا أن تطوع ». قال : وذكر له رسول الله - صلى الله عليه وسلم - الزكاة ، فقال : هل علي غيرها ؟ قال : « لا ، إلا أن تطوع ». قال : فأدبر الرجل ، وهو يقول : والله لا أزيد على هذا ولا أنقص منه . فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : « أفلح إن صدق ، أو دخل الجنة إن صدق ».

*“Seorang lelaki daripada kalangan penduduk Najd dalam keadaan kusut masai rambutnya menemui Rasulullah SAW. Kami mendengar dengungan suaranya tetapi tidak memahami apa yang diperkatakannya, sehingga lelaki itu menghampiri Rasulullah SAW lalu bertanya tentang Islam? Rasulullah SAW bersabda: Solat lima waktu sehari semalam. Kata lelaki itu: Adakah wajib ke atas saya melaksanakan ibadah-ibadah yang lain? Sabda Rasulullah SAW: Tidak kecuali yang anda ingin lakukannya secara sukarela. Kata perawi: Rasulullah SAW menjelaskan kepadanya tentang kewajipan mengeluarkan zakat. Lelaki itu berkata; Adakah wajib ke atas saya melakukan ibadah-ibadah yang lain. Sabda baginda: Tidak melainkan yang anda sukarela melakukannya. Kata perawi: Seterusnya lelaki itu berlalu seraya berkata: Demi Allah saya tidak akan menambah lebih daripada ini dan tidak akan mengurangkan daripadanya. Rasulullah SAW bersabda: Dia akan berjaya jika dia benar atau dia akan pasti masuk syurga jika dia benar”.*<sup>36</sup>

Orang yang sibuk melaksanakan amalan fardu sehingga tidak mempunyai ruang untuk melakukan amalan sunat, adalah dimaafkan, sebaliknya orang yang sibuk melakukan amalan sunat sehingga tidak ada ruang untuk melakukan amalan fardu, adalah orang yang terpedaya.<sup>37</sup> Perbuatan suka melaksanakan amalan-amalan sunat tetapi malas melaksanakan amalan-amalan yang wajib menurut Ibn Aṭā’illah al-Sakandariy, termasuk ke dalam ertikata mengikut hawa nafsu.<sup>38</sup> Menurut Abu Bakar al-Ṣiddīq (r.a) pula, Allah SWT tidak akan menerima amalan sunat selagi amalan wajib tidak dilaksanakan.<sup>39</sup> Sehubungan

<sup>36</sup> Muslim (1401H/1981M), *op. cit.*, j. 1, Kitāb al-Imān, no. hadis 11, h. 12.

<sup>37</sup> Al-Qaraḍāwī (1995), *op. cit.*, h. 315.

<sup>38</sup> ‘Abd al-Mun‘im (1407H), *al-Ḥikam al-‘Aṭā’iyyah*, al-Qāhirah: Jam‘iyyah ibn ‘Aṭā’illah al-Islāmiyyah, h. 168.

<sup>39</sup> Ṣaqr (1401H/1981M), *al-Waṣāyā al-Khālīdah*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 37.

dengan itu tidak harus menunaikan ibadah haji sunat tetapi di dalam masa yang sama mengabaikan pembayaran hutang yang wajib dibayar.

d. Keutamaan Melakukan Amalan Yang Bermanfaat Kepada Orang Ramai Berbanding Dengan Yang Bermanfaat Kepada Seseorang

Kefarduan yang berkaitan dengan hak-hak masyarakat hendaklah didahulukan daripada kefarduan yang berkaitan dengan hak-hak perseorangan, kerana orang perseorangan tidak mampu hidup bersendirian tanpa masyarakat. Secara fitrahnya manusia mempunyai sifat ingin hidup bermasyarakat. Dalam situasi negara diserang oleh musuh, menjadi kewajipan kepada kesemua penduduk mempertahankan negaranya. Jika ada ibu bapa yang menahan anak-anak mereka daripada berjihad, tindakan tersebut tidak dikira di sisi syarak. Jihad dalam situasi ini menjadi fardu ain dan bukan lagi fardu kifayah. Kefarduan melaksanakan jihad di sini adalah untuk menjaga ummah keseluruhannya. Andaikata negara jatuh ke tangan musuh, rakyat akan susah termasuklah ibu bapa.<sup>40</sup> Nas tentang perkara ini dapat dilihat dalam ayat 19 dan 20 daripada surah al-Tawbah di atas.

Sehubungan dengan itu, jika sekumpulan orang-orang Islam ditawan musuh dan musuh menggunakan mereka sebagai benteng bagi melindungi mereka dari serangan orang-orang Islam dan dalam masa yang sama jika orang-orang Islam menghentikan serangan ke atas mereka menimbulkan bahaya besar kepada negara, harus menyerang mereka sekalipun terpaksa membunuh orang-orang Islam yang menjadi tawanan musuh itu, walaupun pada dasarnya mereka adalah orang-orang yang tidak berdosa dan sama sekali tidak boleh dibunuh. Kepentingan mempertahankan ummah keseluruhannya memerlukan tawanan itu terpaksa dikorbankan, bagi mengelakkan kehancuran kepada Islam dan penguasaan negara oleh golongan kufur kepada Allah. Mereka yang terkorban itu akan memperolehi pahala di sisi Allah. Syarak mengutamakan kepentingan umum berbanding dengan kepentingan orang perseorangan, kerana itu menjaga orang-orang Islam dari dikuasai oleh musuh adalah lebih penting dilihat dari segi maksud syarak berbanding menjaga kepentingan darah seorang Islam.<sup>41</sup>

## **TOPI KELEDAR**

Topi keledar adalah sejenis topi keselamatan yang digunakan oleh penunggang motosikal. Matlamat utama topi keledar adalah melindungi kepala penunggang

<sup>40</sup> Al-Qaraḍāwī (1995), *op. cit.*, hh. 145-146.

<sup>41</sup> Al-Ghazālī (1322H), *al-Muṣtasfā*, j.1, al-Qāhirah: al-Maṭba‘ah al-Amīriyyah. hh. 294-295.

daripada hentakan, walaupun kebanyakan topi keledar memberikan kemudahan tambahan seperti pelindung muka, pelindung telinga, interkom dan sebagainya.<sup>42</sup> Ia juga mempunyai matlamat menghalang kecederaan otak, trauma (*traumatic*), kecederaan tengkorak dan muka. Pendapat umum yang mengatakan kegunaan topi keledar adalah untuk melindungi kepala daripada pecah sahaja apabila terhantuk adalah salah. Keretakan kepala biasanya tidak membahayakan nyawa kecuali retakan itu menekan otak di bawah dan keretakan tulang biasanya sembuh dalam tempoh yang singkat. Kecederaan otak adalah lebih serius. Ia biasanya menyebabkan kematian, kecacatan kekal atau perubahan tingkahlaku dan tidak seperti tulang dan tisu neurologikal yang mempunyai keupayaan terhad untuk sembuh selepas kecederaan.<sup>43</sup>

### **Binaan Topi Keledar**

Topi keledar moden dibina daripada gentian plastik. Kebiasaannya gentian plastik diperkukuh dengan *kevlar* atau gentian karbon. Ia biasanya dilengkapi dengan fabrik dan gabus di bahagian dalam bagi keselesaan dan perlindungan. Topi keledar biasanya direka agar pecah dalam kemalangan (dengan itu menyingkir tenaga yang mungkin sampai ke tengkorak pengguna). Oleh itu, ia kehilangan sifat pelindungannya selepas hentakan pertama. Hentakan boleh berlaku selain kemalangan seperti menjatuhkan topi keledar, dan mungkin tidak menunjukkan kerosakan luaran. Untuk perlindungan terbaik, topi keledar perlu ditukar selepas sebarang hentakan, dan setiap tiga tahun walaupun tiada hentakan diketahui berlaku.<sup>44</sup>

Topi keledar biasa mempunyai dua prinsip perlindungan. Cangkering luar yang keras dan nipis, yang biasanya diperbuat daripada *Acrylonitrile Butadiene Styrene* plastik (ABS), gentian kaca atau *Kevlar* dan lapik lembut dan tebal di bahagian dalam yang biasanya diperbuat daripada gabus *Polystyrene* atau gabus *Polypropylene*. Matlamat cangkering keras di bahagian luar adalah:

- a) Untuk menghalang topi keledar ditembusi oleh objek tajam yang mampu menembusi tengkorak
- b) Menjadi struktur lapik dalaman agar tidak berkecai akibat bergeser dengan jalan. Ini amat penting kerana gabus yang digunakan tidak mudah ditembusi dan berkecai.

---

<sup>42</sup> “Topi Keledar”, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Topi\\_keledar](http://ms.wikipedia.org/wiki/Topi_keledar), 13 April 2007.

<sup>43</sup> *Ibid.*

<sup>44</sup> *Ibid.*

Kegunaan lapik gabus adalah untuk mudah remuk apabila terkena hentaman. Dengan itu, meningkatkan jarak dan tempoh masa bagi topi keledar memperlahankan dan menghentikan pergerakan kepala.<sup>45</sup>

### **Kewajipan Memakai Topi Keledar**

Di Malaysia, kewajipan pemakaian topi keledar oleh penunggang dan pembonceng motosikal telah diwartakan pada 1 Mac 1973.<sup>46</sup> Setiap penunggang dan pembonceng wajib memakai topi keledar bila berada di atas jalan. Walau bagaimanapun, pindaan telah dibuat pada 1975 (Exemption Notification 1975) P.U.(B) 23/1975 yang memberikan kebenaran, tidak perlu memakai topi keledar bila menunggang dan berada di atas jalan kepada (a) Haji, Hajjah dan Lebai yang memakai serban dan (b) Sikh. Oleh itu, mulai awal tahun 1975 semua yang disebutkan di atas dikecualikan daripada memakai topi keledar.

### **PEMAKAIAN SERBAN KETIKA MENUNGGANG MOTOSIKAL BERDASARKAN FIQH KEUTAMAAN**

Di Malaysia, rata-rata penunggang motosikal memakai topi keledar kerana ia merupakan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Malah menurut Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu, sebaik sahaja seseorang berada di atas jalanraya, tanpa mengira sama ada jalan raya di bandar-bandar besar mahupun di kampung, secara automatik terikat dengan segala peraturan jalan raya, termasuklah pemakaian topi keledar bagi penunggang motosikal.<sup>47</sup> Ada juga yang tidak memakai topi keledar seperti ulama, lebai dan juga orang-orang yang beragama Sikh, kerana memakai serban merupakan budaya mereka. Mereka ini adalah golongan yang dikecualikan daripada memakai topi keledar berdasarkan Kaedah-kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 yang dibaca bersama pengecualian untuk haji, hajjah, lebai dan penganut Sikh<sup>48</sup> sebagaimana yang dinyatakan di atas. Perbincangan tentang orang-orang yang dikecualikan daripada memakai topi keledar tidak akan

---

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Kaedah-kaedah Motosikal (topi keledar) 1973 (P.U. (A) 43/1973).

<sup>47</sup> Temu bual bersama Abd Rahman Emang Anyie, Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu pada 16 April 2009.

<sup>48</sup> Kaedah-kaedah Motosikal (topi keledar) 1973 (P.U. (A) 43/1973). Azman Mahmood (2009), "Kelonggaran Ketika menunggang Motosikal Mesti Jelas dan Menyeluruh", *Berita Harian Online*, 25 Mac 2009.



disentuh di sini, kerana dalam penghakiman yang dilakukan oleh Mahkamah Majistret Kota Bharu, pihak Pendakwaraya bertubi-tubi melontarkan soalan sama ada Ahmad Nasir yang berumur 25 tahun pada ketika itu, memenuhi kriteria seseorang yang layak digelar 'lebai' ataupun tidak dan tidak mengaitkan langsung dengan keperluan menjaga keselamatan nyawa ketika berada di jalan raya.<sup>49</sup> Analisis tertumpu kepada kesesuaian pemakaian serban ketika berada di atas jalan raya, terutama sekali jalan raya besar dan sibuk. Perbincangan ini melibatkan beberapa sudut.

a. Keutamaan Melakukan Perkara *Ḍarūriyāt* Berbanding Dengan *Ḥājīyāt* Dan *Tahsīniyāt*

Perkara *Ḍarūriyāt* ada lima. Salah satu daripadanya ialah menjaga nyawa. Rasulullah SAW mengajar umatnya supaya menjaga keselamatan nyawa dengan cara menjauhkannya dari terdedah kepada bahaya dan ancaman kemusnahan. Dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Abu Hurayrah (r.a), Rasulullah SAW bersabda:

من أشار على أخيه بحديدة لعنته الملائكة

“Sesiapa yang mengacukan satu keping besi (senjata) kepada saudaranya sesungguhnya para malaikat melaknatnya”.<sup>50</sup>

Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Sa‘ad bin Zayd (r.a):

من قتل دون ماله فهو شهيد ومن قتل دون دينه فهو شهيد ومن قتل دون دمه فهو شهيد ومن قتل دون أهله فهو شهيد

“Barangsiapa yang meninggal dunia kerana mempertahankan hartanya adalah mati syahid. Barangsiapa yang meninggal dunia kerana mempertahankan agamanya adalah mati syahid. Barangsiapa yang meninggal dunia kerana mempertahankan darahnya (nyawanya) adalah mati syahid dan barangsiapa yang meninggal dunia kerana mempertahankan ahli keluarganya adalah juga mati syahid”.<sup>51</sup>

<sup>49</sup> “Kes Pelajar Pondok Disaman Kerana Tidak Pakai Topi Keledar Didengar 19 Januari”, <http://www.sinarharian.com.my/>, 4 Jun 2009.

<sup>50</sup> Al-Tirmidhī (1400H/1980M), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 3, Kitāb al-Fitan, no. hadis 2250. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 314.

<sup>51</sup> Al-Tirmidhī (1401H/1981M), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4, Kitāb al-Diyāt 'An Rasul Allah SAW, no. hadis 1421. Istanbul: Cagri Yayinlari, h. 30. Hadis ini *ṣahīḥ* menurut al-Bānī .

Perintah Baginda SAW ini selaras dengan firman Allah SWT:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

“... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

(Surah al-Baqarah, 2: 195)

Hadis di atas menjelaskan tentang kepentingan menjaga nyawa sehingga Rasulullah SAW melarang seseorang bergurau dengan sahabatnya dengan menggunakan senjata tajam bagi mengelakkan senjata itu terlucah dari tangannya lalu membunuh sahabatnya itu. Selain daripada itu, orang yang meninggal dunia kerana mempertahankannya dikira sebagai mati syahid.

Dalam peperangan Uhud, Rasulullah SAW keluar ke medan peperangan dengan memakai baju dan topi besi dan Baginda tidak memakai serban seperti biasa, kerana di medan peperangan nyawa tentera sering terdedah kepada bahaya. Seseorang Islam yang tidak berusaha mengambil segala punca yang boleh mengelakkan nyawanya terkorban adalah orang yang tidak sempurna tawakalnya, bahkan bertawakal kepada Allah SWT dalam melakukan sesuatu perkara tetapi tidak mengambil segala perkara yang boleh menjayakan tawakal itu, adalah tawakal yang tidak lengkap dan cacat.<sup>52</sup>

Kalau dalam peperangan Rasulullah SAW memakai topi besi, bagi mengelakkan kehilangan nyawa, sedangkan kepastian hilang nyawa masih belum jelas, begitu juga dengan keperluan memakai topi keledar ketika berada di atas jalan raya yang sibuk dengan berbagai-bagai kenderaan termasuk kenderaan berat. Memakai topi keledar juga perlu diutamakan, kerana merupakan antara cara yang lebih mampu menjaga keselamatan nyawa penunggang motosikal, ketika berlaku kemalangan. Berlainan dengan serban, ia merupakan kain yang dililit di kepala pemakainya dan kemampuannya untuk mengelakkan kecederaan di kepala ketika jatuh ke atas jalan raya adalah kecil, malah ruang untuk mendatangkan kecederaan adalah besar.<sup>53</sup> Oleh kerana penjagaan nyawa wajib dalam Islam, maka segala cara dan jalan yang boleh menjaganya juga adalah wajib. Antara alat dan cara yang ditetapkan oleh

<sup>52</sup> Al-‘Izzi (1417H/197), *Tahdhīb Madārij al-Sālikin*. al-Qāhirah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nashri al-Islāmiyyah, h. 305.

<sup>53</sup> Temu bual bersama Abd Rahman Emang Anyie, Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu, 16 April 2009.

pihak berkuasa di Malaysia untuk menjaga keselamatan nyawa ialah memakai topi keledar ketika menunggang motosikal. Dengan itu memakai topi keledar menjadi wajib. Ini selaras dengan kaedah fiqh yang menyatakan:

للسائل حكم المقاصد

“*Wasilah (jalan atau cara) boleh mengambil tempat objektif*”.<sup>54</sup>

Ia juga selaras dengan kaedah fiqh:

مالا يتم الواجب إلا به فهو واجب

“*Sesuatu yang tidak sempurna perkara wajib melainkan dengannya, hukumnya adalah wajib*”.<sup>55</sup>

Statistik Kementerian Pengangkutan Malaysia menunjukkan daripada tahun 1998 sehingga tahun 2007 sebanyak 607,340 kes kemalangan jalanraya berlaku dan daripada jumlah ini kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal ialah sebanyak 111,958 kes. Jumlah kematian yang dilaporkan pada tahun sepanjang 1998 sehingga 2007 ialah 6,282 kes, manakala kecederaan parah ialah sebanyak 9,273. Sebanyak 3,548 kes melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.<sup>56</sup> Kajian mendapati 68% daripada jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia, dalam kalangan penunggang dan pembonceng motosikal adalah disebabkan oleh kecederaan di bahagian kepala. Keadaan itu berlaku (mengikut kajian Majlis Keselamatan Jalan Raya) antaranya berpunca ramai penunggang tidak memakai topi keledar.<sup>57</sup> Pemakaian topi keledar mampu menyumbang ke arah pengurangan 50% kadar kematian akibat kemalangan jalan raya bagi mencapai sasaran di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya, Malaysia 2006 – 2010.<sup>58</sup>

Selain daripada itu, pemakaian serban hanya termasuk ke dalam perkara *tahsīniyāt*. Perkara *tahsīniyāt* tidak boleh mendahului *hājīyāt* dan juga *darūriyāt*, kerana perkara *darūriyāt* adalah perkara yang penting yang perlu diutamakan. Apabila bertembung di antara perkara *tahsīniyāt* dengan *hājīyāt*,

<sup>54</sup> Al-Jizānī (1416H/1996M), *op. cit.*, h. 303.

<sup>55</sup> *Ibid*, h. 304.

<sup>56</sup> Statistik Kenderaan Darat, <http://www.mot.gov.my>, 10 April 2009.

<sup>57</sup> Salmah Mat Husain (2007), “Kesedaran Pakai Topi Keledar Masih Rendah”, <http://www.harakahdaily.net/>, 8 November 2007.

<sup>58</sup> “Inisiatif Pemakaian Topi keledar Sri Andalas, Klang Selangor”, <http://www.jkjr.gov.my/Akhbar-Inisiatif-Pemakaian-Topi-Keledar.html>, 23 Ogos 2008.

hendaklah didahulukan *ḥājiyāt* dan apabila perkara *ḥājiyāt* dan *taḥsīniyāt* bertembung dengan *ḍarūriyāt*, hendaklah didahulukan *ḍarūriyāt*.<sup>59</sup>

Mungkin ada yang mengatakan penunggang motosikal yang terlibat dengan kemalangan jalanraya adalah kecil, kerana mereka yang memakai serban terdiri daripada orang-orang alim dan juga orang-orang yang belajar ilmu agama. Mereka ini berdisiplin dan mematuhi undang-undang jalan raya, malah mereka adalah penunggang motosikal yang berhemah. Jarang didengar penunggang yang memakai serban terlibat di dalam kemalangan jalanraya. Bagi menjawab kenyataan ini suka dinyatakan pemanduan berhemah dan pematuhan peraturan lalu lintas di jalan raya, adalah sebahagian sahaja daripada undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan jalanraya dan bukan kesemuanya. Bahkan kalau seseorang tidak memakai apa-apa di kepalanya tetapi memandu motosikal dengan berhemah dan mematuhi peraturan lalu lintas, penunggang ini mungkin juga tidak terlibat dengan kemalangan jalanraya seperti juga penunggang motosikal yang berserban. Namun persoalannya ialah adakah serban itu sendiri mampu menyelamatkan kepala seseorang daripada kecederaan parah kalau terjatuh atau terlibat dengan kemalangan jalan raya. Jawapannya sudah tentu tidak. Kerana serban yang dipakai oleh seseorang bukan sahaja melibatkan kain yang nipis, malah tidak pula menutup sepenuhnya kepala sehingga termasuk telinga, sebagaimana yang terdapat pada topi keledar. Kemalangan jalanraya yang melibatkan penunggang motosikal yang memandu dengan kelajuan 60 kilometer sejam, mampu membunuh penunggangnya, jika terlibat dengan kemalangan jalan raya.<sup>60</sup> Sehubungan dengan itu pemakaian topi keledar lebih utama dilakukan berbanding memakai serban, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Mungkin juga ada yang mengatakan kebanyakan penunggang motosikal yang terlibat di dalam kemalangan jalan raya adalah yang memakai topi keledar dan bukannya yang berserban, untuk menjawabnya suka dinyatakan semata-mata memakai topi keledar belum tentu dapat menyelamatkan kepala seseorang dari kecederaan apabila terjatuh ke atas jalan raya, sebaliknya pemakaian topi keledar yang memenuhi syarat-syaratnya sahaja, dapat mengelakkan kecederaan pada bahagian kepala. Kesemua jenis topi keledar mempunyai pengikat dagu dan keupayaannya untuk memberikan perlindungan berkurangan dengan banyaknya sekiranya pengikat dagu tidak dikenakan

---

<sup>59</sup> Al-Qaraḍāwī (1990), *Madkhal Li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 68.

<sup>60</sup> Temu bual bersama Abd Rahman Emang Anyie, Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu, 16 April 2009.

dengan betul. Selain daripada itu, topi keledar itu sendiri hendaklah tidak berada dalam keadaan yang terlalu uzur dan bersifat penuh iaitu menutup bahagian belakang dan telinga dan bukan yang separuh sahaja.

b. Keutamaan Melakukan Amalan Wajib Berbanding Sunat

Amalan wajib begitu banyak dalam Islam. Salah satu daripadanya ialah mentaati pemerintah. Rakyat wajib mentaati pihak berkuasa dalam semua perkara yang dilakukannya termasuklah undang-undang yang digubalkannya, selagi mana undang-undang tersebut tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan juga al-Sunnah dan mendatangkan kemaslahatan kepada ummah. Ketaatan kepada pihak berkuasa terdapat di dalam firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلٰى الْاَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَنٰزَعْتُمْ فِىْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ ۗ اِنْ كُنْتُمْ تُوْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ  
ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya”.*

(Surah al-Nisā', 4: 59)

Dalam Islam, ketua negara atau agensi-agensi yang ditubuhkannya boleh melakukan sesuatu perkara yang tidak didapati sebarang nas, baik daripada al-Qur'an mahupun al-Sunnah yang menyuruh atau melarangnya, berasaskan kepada pertimbangan yang mantap dengan mengambilkira masalah rakyat atau meraikan perubahan masyarakat. Ia dikenali dengan nama *maṣāliḥ mursalah* dalam ilmu *Uṣūl Fiqh*. Keputusan itu diambilkira di sisi syarak dan wajib dipatuhi oleh rakyat.<sup>61</sup> Apalagi dalam perundangan Islam keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkuasa dalam sesuatu isu dikira menyelesaikan

<sup>61</sup> Al-Qaraḍāwī (1419H/1998M), *al-Siyāsah al-Syar'iyah Fī Ḍaw'i Nuṣūs al-Syarī'ah Wa Maqāṣidihā*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 73.

perselisihan di kalangan ummah dalam isu tersebut.<sup>62</sup> Penggubalan undang-undang berkaitan dengan pemakaian topi keledar sewaktu berada di atas jalan raya dilakukan oleh pihak berkuasa di Malaysia bagi tujuan menjaga nyawa rakyat jelata yang menggunakan motosikal dan undang-undang ini wajib dipatuhi, kerana dengan mematuhi bererti termasuk ke dalam ertikata mematuhi *Uli al-Amri* yang disebutkan di dalam ayat di atas. Undang-undang yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa Malaysia ini selaras dengan kaedah fiqh yang menyatakan:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالصلحة

*“Pengurusan ketua negara ke atas rakyat adalah berdasarkan kepada masalah”.*<sup>63</sup>

Daripada satu aspek yang lain pula dalam menjelaskan sesuatu perkara, kadang-kadang nas al-Qur’an tidak menerangkan secara terperinci tentang alat yang digunakan untuk menjayakan perkara itu untuk sepanjang zaman. Rasulullah SAW menggunakan peralatan yang biasa terdapat pada zaman Baginda sahaja. Misalnya firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ  
اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

*“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu ....”*

(Surah al-Anfāl, 8: 60)

Menurut al-Qaraḍāwī perkara yang dinaskan dalam ayat di atas ialah penyediaan pasukan berkuda, kerana ia merupakan salah satu pasukan yang paling kuat pada zaman itu. Bagi orang Islam pada zaman ini pula, tidak menjadi kesalahan jika mereka menggantikan benda lain di tempat pasukan berkuda seperti kereta kebal, kereta perisai dan lain-lain, asal sahaja dapat mencapai matlamat yang dikehendaki oleh ayat di atas iaitu menimbulkan rasa gerun

<sup>62</sup> Al-Qaraḍāwī (1417H/1997M), *Min Fiqh al-Dawlah Fī al-Islām*. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq, h. 123.

<sup>63</sup> Al-Zarqā’ (141(H/198M), *Syarah al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 309.

kepada musuh Allah SWT dan musuh orang-orang Islam.<sup>64</sup> Dengan ini dapat difahami, pemakaian topi keledar pada zaman kita adalah perlu diutamakan, kerana ia antara alat yang lebih mampu menyelamatkan nyawa penunggang motosikal, di samping mematuhi peraturan lalu lintas dan memandu secara berhemah.

Mungkin ada yang bertanya pemakaian topi keledar bukanlah sunnah Rasulullah SAW sebaliknya yang menjadi sunnah baginda SAW ialah memakai serban, kenapa pula diwajibkan memakai topi keledar kepada orang Islam, sebaliknya yang diwajibkan ialah memakai serban itu sendiri, kerana itu adalah pakaian Rasulullah SAW. Pemakaian topi keledar juga berasal daripada barat dan bukan daripada Islam dan budaya hidup orang Islam. Suka dinyatakan, topi keledar memang tidak wujud pada zaman Nabi SAW, namun rohnya menepati roh al-Qur'an itu sendiri, sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat 194 daripada surah al-Baqarah di atas. Kemampuannya menjaga kepala penunggang motosikal daripada kecederaan parah dan seterusnya menyelamatkan nyawa, diakui pihak yang berkuasa yang memperkenalkan undang-undang pemakaian topi keledar itu sendiri. Pemakaian topi keledar walaupun datang daripada masyarakat barat, tidak dilarang dalam Islam. Rasulullah SAW sebenarnya hanya melarang umat Islam mengikuti akidah sesat dan menggunakan simbol-simbol khusus yang digunakan dalam agama-agama lain selain daripada Islam termasuk yang dianuti oleh orang-orang barat, bukannya teknologi yang mereka bina. Berhubung dengan hadis yang diriwayatkan menerusi Ibn Umar (r.a):

من تشبه بقوم فهو منهم

“Sesiapa yang menyerupai suatu kaum, termasuk ke dalam kaum itu”.<sup>65</sup>

Hadis di atas menjelaskan tentang larangan Rasulullah SAW kepada sebahagian sahabat yang mahu meniru perbuatan syirik yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi. Mereka mahukan Baginda mengkhususkan satu pokok untuk membolehkan mereka menggantung senjata, sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi yang menggantung senjata pada satu pokok yang dinamakan sebagai *Zāt al-Anwāt* di Khaybar. Perbuatan tersebut dilihat oleh Rasulullah SAW sebagai amalan syirik.<sup>66</sup> Sebaliknya

<sup>64</sup> Malaikah (1420H/1999M), *Fī Uṣūl al-Da‘wah Muqtabasātun Min Kutub al-Duktūr Yūsuf al-Qaraḍāwī*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 150.

<sup>65</sup> Abu Dāwūd (1371H/1952), *op. cit.*, j. 4, Kitāb al-Libās, no. hadis 4031, h. 315.

<sup>66</sup> Al-Marbawiy (t.t.), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmīdhī*, j. 15. Miṣr: Maṭba‘ah al-Bābiy al-Ḥalabiy, hh. 57-58.

teknologi yang diperolehi daripada barat tidak melibatkan amalan syirik dan tidak menjadi kesalahan kepada umat Islam menuntut ilmu-ilmu tersebut dan mempraktikkannya di negara mereka. Ilmu-ilmu itu tidak menjejaskan akidah seseorang, kalau digunakan dengan cara yang baik. Hikmah itu adalah sesuatu yang hilang dari orang mukmin, di mana sahaja ia menemuinya, dialah yang paling berhak mendapatkannya. Rasulullah SAW pernah bersabda:

الكلمة الحكيمة ضالة المؤمن حيثما وجدها فهو أحق بها

*“Hikmah itu adalah sesuatu yang hilang dari orang mukmin, di mana sahaja ia menemuinya dialah yang paling berhak mendapatkannya”*<sup>67</sup>

Hadis ini walaupun lemah, namun maknanya betul, kerana itu orang-orang Islam menggunakannya dalam kehidupan seharian mereka. Mereka mengambil manfaat daripada ilmu dan hikmah yang dipunyai oleh bangsa-bangsa lain di dunia ini.<sup>68</sup> Dalam sejarah Islam, Rasulullah SAW sendiri mengambil manfaat dari tawanan musyrikin dalam peperangan Badar dengan mengarahkan mereka mengajar sepuluh orang anak-anak orang Islam membaca dan menulis. Baginda juga menggunakan idea menggali parit yang diutarakan oleh Salmān al-Fārisiy di sekeliling Madinah dalam peperangan Khandak, sedangkan strategi ini adalah strategi orang-orang Parsi. Baginda menggunakan Manjenik ketika mengepung kota Ta‘if dan menyampaikan khutbah di atas minbar yang dibina oleh seorang tukang kayu berbangsa Rom.<sup>69</sup>

Antara hak pemerintah yang wajib dilaksanakan oleh rakyat jelata pula ialah mentaatinya zahir dan batin pada setiap perkara yang diperintah dan ditegahnya kecuali yang berupa maksiat. Inilah hak yang paling besar ke atas rakyat. Ketaatan kepada pemerintah merupakan asas dan tunjang yang kuat dalam menyusun urusan-urusan negara dan masyarakat di samping merealisasi matlamat dan kehendak agama dan keduniaan.<sup>70</sup> Rasulullah SAW mewajibkan umatnya taat kepada pemerintah dalam perkara yang tidak berbentuk maksiat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Abu Umāmah (r.a) menjelaskan Rasulullah SAW bersabda:

<sup>67</sup> Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, j. 2, Kitāb al-Zuhd, no. hadis 4169, Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, h. 1395.

<sup>68</sup> Al-Qaraḍāwī (1420H/1999), *Taysīr al-Fiqh Li al-Muslim al-Mu‘āṣir*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 210.

<sup>69</sup> *Ibid.*, hh. 210-211.

<sup>70</sup> Al-Anbariy (2008), *Sistem Politik Islam*. Zahazan Mohamed *et al.* (terj.). Kuala Lumpur: Telaga Biru, h. 27.



اتقوا الله وصلوا خمسكم وصوموا شهركم وأدوا زكاة أموالكم وأطيعوا إذا أمركم  
تدخلوا جنة ربكم

*“Bertakwalah kepada Allah, tunaikan solat lima waktu, berpuasalah pada bulan Ramadan, keluarkan zakat harta dan taatilah pemerintah dari kalangan anda, nescaya anda semua akan memasuki syurga”.*<sup>71</sup>

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi al-‘Irbad bin Sariyah (r.a):

أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة وإن عبد حبشي ...

*“Saya suka berpesan kepada anda semua, supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan taat dan patuh kepada pemerintah, sekalipun pemerintah itu adalah seorang hamba berbangsa Habsyah.”*<sup>72</sup>

Taat kepada pemerintah bukan taat kepada peribadinya sebaliknya taat kepada perintah yang tidak berbentuk maksiat yang dikeluarkannya termasuklah undang-undang yang digubalnya. Ketaatan kepada undang-undang yang digubalnya adalah penting, kerana jika tidak ada kepatuhan kepada undang-undang tersebut, ia menggambarkan undang-undang itu tidak ada nilai kepada rakyat sesebuah negara dan sekaligus mendedahkan tubuh badan dan nyawa mereka kepada bahaya besar. Kegagalan mematuhi membuktikan kewujudannya sama sahaja dengan ketidakwujudannya. Dengan lain perkataan, mentaati pemerintah dalam perkara yang tidak berbentuk maksiat merupakan sunnah Rasulullah SAW yang wajib dilakukan oleh setiap orang Islam, sebaliknya pemakaian serban merupakan sunnah yang harus sahaja diamalkan sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Perkara yang wajib perlu didahulukan berbanding dengan perkara harus dari segi susunan keutamaan dalam mengamalkan amalan sunnah.

Al-Qaraḍāwī pernah mengulas tentang amalan beragama yang tidak seimbang dan cacat dalam kalangan kebanyakan umat Islam. Ia berpunca daripada ketiadaan penguasaan fiqh yang benar-benar matang dan ilmu yang benar. Antaranya mengambil berat tentang pelaksanaan sebahagian daripada amalan sunat seperti memperbanyakkan zikir, tasbeih dan wirid

<sup>71</sup> Al-Tirmidhī (1401H/1981M), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 2, Kitāb al-Jumu‘ah ‘An Rasūl Allah, no. hadis 616. Istanbul: Cagri Yayinlari, h. 196. Hadis *ṣaḥīḥ* menurut al-Bānī.

<sup>72</sup> Al-Tirmidhī (1385H/1965M), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 5, Kitāb al-‘Ilmu ‘An Rasūl Allah, no. hadis 2676. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabiy, h. 44. Hadis *ṣaḥīḥ*.

tetapi mengabaikan amalan-amalan wajib seperti berbuat baik kepada kedua ibubapa, menghubungkan silaturrahim, memberi layanan yang baik kepada jiran tetangga, menunjukkan rasa kesihan belas kepada orang-orang yang lemah, meraikan anak yatim dan orang-orang miskin dan juga menentang kezaliman sosial dan politik.<sup>73</sup>

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Na'am menjelaskan seorang lelaki daripada Iraq menemui Ibn Umar (r.a) dan bertanya beliau tentang hukum darah nyamuk yang terkena pakaian. Ibn Umar bertanya:

من أنت ؟ فقال من أهل العراق قال انظروا إلى هذا يسألني عن دم البعوض  
وقد قتلوا ابن النبي صلى الله عليه وسلم وسمعت النبي صلى الله عليه وسلم  
يقول ( هما ريحانتي من الدنيا )

*“Daripada manakah tuan? Jawab lelaki itu: Dari kalangan penduduk Iraq. Kata Ibn Umar: Lihatlah lelaki ini, beliau bertanya saya tentang darah nyamuk yang terkena pakaian, padahal penduduk Iraq membunuh cucunda Nabi SAW dan saya sendiri mendengar Nabi SAW bersabda: Keduanya (Hasan dan Husain) adalah bau-bauan yang wangi yang dicitum oleh saya di dunia”.*<sup>74</sup>

Dalam hadis di atas Ibn ‘Umar tidak melarang lelaki berkenaan bertanya soalan yang berkaitan dengan urusan agama, kerana itu akan memantapkan pengetahuan lelaki itu sendiri. Yang beliau tegur ialah isu yang ditanya oleh lelaki itu yang tidak menepati tuntutan Fiqh Keutamaan, kerana terdapat isu yang lebih besar yang sepatutnya ditanya oleh beliau iaitu hukum orang yang membunuh Husayn (r.a) yang merupakan cucu Rasulullah SAW sendiri. Lelaki itu terlalu menghalusi perkara kecil tetapi mengabaikan isu besar.

Uruf dan adat, boleh berubah. Kalau dahulu pada peringkat awal penggunaan motosikal, penunggang motosikal tidak diwajibkan memakai topi keledar, tetapi sekarang diwajibkan oleh pihak berkuasa, memandangkan banyak berlaku kemalangan jalan raya dan melibatkan kecederaan kepada penunggangnya, terutama sekali pada bahagian kepala. Malah pemandu kereta, basikal dan juga kuda lumba juga diwajibkan memakai topi keledar, walaupun bentuknya berbeza-beza antara satu sama lain, namun tujuan utamanya ialah mengelakkan kecederaan pada bahagian kepala dan menjaga keselamatan nyawa penggunanya. Di zaman pemerintahan Khalifah Umar bin

<sup>73</sup> Al-Qaraḍāwī (1995), *op. cit*, hh. 22-23.

<sup>74</sup> Al-Bukhārī (1411H/1991M), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 7, Kitāb al-Adab, no. hadis 5994. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 98.

al-Khattab, pemakaian serban pernah menjadi lambang yang membezakan di antara warga negara yang beragama Islam dengan yang tidak beragama Islam,<sup>75</sup> namun keadaan sekarang sudah jauh berbeza. Status agama seseorang warga negara boleh dikenali melalui kad pengenalannya. Perubahan ilmu dan sains teknologi setiap hari mempengaruhi perubahan hubungan manusia dengan alam sekitar dan masyarakat. Ia meningkatkan lagi persoalan-persoalan baru dalam masyarakat di samping persoalan-persoalan lama yang sedia ada. Dengan itu berlakulah perubahan hukum berikutan perubahan keadaan lama kepada baru.<sup>76</sup> Ini sesuai dengan kaedah fiqh:

لا يَنكُرُ تَغْيِيرَ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ وَالْأَمَكْنَةِ وَالْأَحْوَالِ

“Tidak boleh ditolak perubahan hukum yang berlaku dengan sebab perubahan zaman, tempat dan juga keadaan”.<sup>77</sup>

### c. Keutamaan Menutup Pintu Kerosakan Dan Membuka Pintu Kemaslahatan Kepada Ummah

Dalam Islam, melakukan kerosakan bukan sahaja berbentuk melakukan perkara yang diharamkan di sisi syarak kerana zatnya seperti meminum arak, menghisap dadah, membunuh orang yang tidak berdosa, menyembah berhala, bertenung nasib dan lain-lain, tetapi juga berlaku dalam mengamalkan sunnah dalam bentuk yang tidak menepati sunnah Rasulullah SAW itu sendiri. Rasulullah SAW sendiri menjelaskan perkara ini. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Jabir bin ‘Abd Allah al-Ansāriy (r.a) menjelaskan suatu ketika Mu’az bin Jabal menjadi imam di dalam solat Isyak dan memanjangkan solatnya. Solatnya itu menyebabkan seorang makmum yang mempunyai hajat memutuskan ikutan terhadap beliau dan menunaikan solat secara seorang diri kemudian beredar. Setelah mengetahuinya, Nabi SAW marah kepada Mu’az dan bersabda;

يَا مَعَاذَ أَفْتَانِ أَنْتَ. أَوْ (فَاتِن) ثَلَاثَ مَرَاتٍ (فَلَوْلَا صَلَاةُ بِسْمِ اللَّهِ وَالشَّمْسِ وَضَحَاهَا وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ فَإِنَّهُ يَصْلِي وَرَاءَكَ الْكَبِيرَ وَالضَّعِيفَ وَذُو الْحَاكِمَةِ)

<sup>75</sup> Muhammad Nur Lubis (1999), *Mengapa Tidak Berserban?*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, h. 65.

<sup>76</sup> Kūkasal (1421H/2000M), *Taghayyur al-Ahkām Fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 100.

<sup>77</sup> Al-Sadlān (1417H), *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. Al-Riyāḍ: Dār al-Balansiyyah, h. 426.

*“Wahai Mu’az adakah anda mahu menjadi sumber fitnah atau orang yang menimbulkan fitnah—sebanyak tiga kali. Bukankah lebih baik kepada anda menunaikan solat dengan membaca ayat سبح اسم ربك الأعلى والشمس وضحاها والليل إذا يغشى kerana yang solat di belakang anda itu orang tua, orang yang lemah dan juga yang berhajat”.*<sup>78</sup>

Menunaikan solat secara berjemaah merupakan sunnah Rasulullah SAW tetapi menunaikannya dalam bentuk yang boleh menimbulkan kesukaran kepada makmum adalah dilarang. Di dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menegur Mu’az kerana memanjangkan solat dengan makmum yang ada hajat, sehingga membuatkan makmum itu memutuskan solat secara berjemaah dan solat seorang diri dan seterusnya mengadu kepada Rasulullah SAW. Pelaksanaan solat secara berjemaah perlu meraikan keadaan makmum, kerana dalam kalangan mereka, ada yang sudah tua, sakit dan seumpamanya. Mereka ini kalau dipanjangkan solat, sudah tentu akan merasa penat dan sukar, kerana itu Rasulullah SAW menegur perbuatan Mu’az itu. Kerja pendakwah ialah mendekati orang kepada Islam dan ibadah dan bukannya menyusah dan melarikan mereka daripada ibadah. Ini membuktikan kemudaratan tidak boleh dihapuskan dengan melakukan kemudaratan yang sama atau lebih besar daripadanya sesuai dengan kaedah fiqh:

الضرر لا يزال بمثله

*“Kemudaratan tidak boleh dihapuskan dengan melakukan kemudaratan yang sama dengannya”.*<sup>79</sup>

Mengamalkan sunnah dalam bentuk yang boleh menjejaskan imej sunnah dan ummah itu sendiri adalah juga merupakan kerosakan yang perlu dijauhi oleh setiap orang Islam. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Abu Hurairah (r.a) menjelaskan;

أن أعرابيا بال في المسجد فثار إليه الناس ليقعوا به فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم دعوه وأهريقوا على بوله ذنوبا من ماء أو سجلا من ماء فإنما بعثتم ميسرين ولم تبعثوا معسرين

*“Seorang Arab pedalaman membuang air di dalam masjid. Orang ramai bangun lalu bergegas menuju kepada beliau untuk bertindak, tetapi Rasulullah SAW bersabda; Biarkan dia membuang air. Curahkan*

<sup>78</sup> Al-Bukhārī (1411H/1991), *op. cit.*, j. 1, Kitāb al-Azan, no. hadis 705, h. 194.

<sup>79</sup> Al-Sadlān (1417H), *op. cit.*, h. 512.

*di atas tempat kencingnya satu bekas air. Sesungguhnya anda semua diutuskan Allah untuk memudahkan dan bukan untuk menyusahkan orang".<sup>80</sup>*

Perbuatan membuang air kecil dalam masjid satu bentuk kesalahan, kerana masjid adalah tempat yang mulia, rumah Allah dan juga tempat ibadah. Orang yang berbuat demikian yang tahu tentang kemuliaan masjid, sewajarnya dikenakan hukuman yang setimpal oleh pihak yang berkuasa, tanpa mengira siapa yang melakukannya, baik remaja mahupun dewasa. Walaupun perbuatan membuang air di dalam masjid adalah salah, namun Rasulullah SAW tidak membenarkan para sahabat bertindak terburu-buru ke atasnya bagi mengelakkan berbagai-bagai kemudaratannya yang lebih besar timbul termasuk terhadap diri lelaki itu sendiri, masjid Baginda SAW dan juga imej umat Islam yang merubah perkara mungkar itu.

Ulama pernah melarang kaum wanita dari menunaikan solat di masjid, sedangkan sebelumnya harus kepada mereka berbuat demikian. Ini kerana mereka melihat gesaan Nabi SAW kepada kaum wanita supaya keluar menunaikan solat di masjid memandangkan masalah yang diperolehi oleh kaum wanita itu sendiri seperti dapat menunaikan solat berjemaah, mendengar bacaan al-Qur'an dan juga khutbah Jumaat. Keluarnya wanita ke masjid pada zaman Rasulullah SAW tidak menimbulkan apa-apa kerosakan dan kemudaratannya, tetapi setelah muncul zaman di mana banyak kaum lelaki suka mengganggu dan mengusik kaum wanita dan berlaku pula peristiwa-peristiwa yang menunjukkan kekuasaan agama menjadi lemah dalam jiwa kaum lelaki dan wanita. Situasi wanita keluar ke masjid tidak lagi berada pada situasi yang sama yang terdapat pada zaman Nabi SAW, malah menimbulkan kemudaratannya. Ulama mula membandingkan situasi pada masa itu dengan kemaslahatan yang diperolehi. Mereka mula merujuk kepada asas-asas syariat dan mengeluarkan hukum syarak daripadanya selaras dengan keadaan yang mereka alami. Akhirnya mereka memutuskan melarang wanita ke masjid,<sup>81</sup> kerana kemudaratannya yang timbul lebih besar berbanding dengan kemaslahatan yang hendak diperolehi oleh kaum wanita ketika berada dalam masjid.<sup>82</sup>

Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW tidak boleh dilihat dari satu aspek sahaja iaitu semata-mata merupakan sunnah Rasulullah SAW, sebaliknya

---

<sup>80</sup> Al-Bukhārī (1411H/1991M), *op. cit.*, j. 7, Kitāb al-Adab, no. hadis 128, hh. 132-133.

<sup>81</sup> *Ibid*, h. 102.

<sup>82</sup> Al-Namir (t.t.), *al-Sunnah Wa al-Tashrī'*. Mişr: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, h. 48.

perlu juga meraikan aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya seperti tahap, keadaan, masa dan tempat. Dengan itu berserban adalah suatu sunnah dan satu amalan yang baik berbanding dengan orang yang tidak berserban, namun apabila dilihat dari segi ia dipakai ketika menunggang motosikal di jalan raya yang sibuk, adalah tidak sesuai. Yang lebih sesuai ialah memakai topi keledar, kerana itulah yang telah diputuskan oleh pihak berkuasa yang melihat ia lebih mampu memelihara kepala dan otak daripada kecederaan. Mempertahankan pemakaian serban sewaktu menunggang motosikal menimbulkan imej yang kurang baik kepada umat Islam. Mereka dilihat sebagai orang-orang yang suka mengutamakan sunnah-sunnah yang kecil dalam kehidupan, namun dalam masa yang sama mengabaikan sunnah-sunnah yang besar. Penjagaan keselamatan nyawa pengguna motosikal ketika berada di jalan raya adalah sunnah yang besar yang perlu diberi perhatian. Ia tidak cukup dengan pemanduan berhemah dan pematuhan tahap kelajuan semata-mata, sebaliknya perlu juga kepada pemakaian topi keledar, kerana kemalangan jalan raya bukan sahaja berpunca daripada kecuaiannya penunggang motosikal itu sendiri, bahkan juga daripada penunggang motosikal dan pengguna jalan raya yang lain. Adalah wajar kalau tidak memakai serban ketika menunggang motosikal, kalau dengan berbuat demikian mendatangkan masalah yang besar kepada Islam dan umatnya.

Dalam perjanjian Hudaibiyah, Suhayl bin Amru yang mewakili golongan musyrikin Mekah mendesak Rasulullah SAW menggugurkan beberapa perkara dan Baginda bersetuju dengan permintaan Suhayl itu, bagi mengelakkan perjanjian tersebut gagal. Ini dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Miswar bin Makhramah (r.a):

فجاء سهيل بن عمرو فقال هات اكتب بيننا وبينكم كتابا فدعا النبي صلى الله عليه و سلم الكاتب فقال النبي صلى الله عليه و سلم (بسم الله الرحمن الرحيم) . قال سهيل أما الرحمن فوالله ما أدري ما هو ولكن اكتب باسمك اللهم كما كنت تكتب فقال المسلمون والله لا نكتبها إلا بسم الله الرحمن الرحيم فقال النبي صلى الله عليه و سلم (اكتب باسمك اللهم) . ثم قال (هذا ما قاضى عليه محمد رسول الله) فقال سهيل والله لو كنا نعلم أنك رسول الله ما صددناك عن البيت ولا قاتلناك ولكن اكتب محمد بن عبد الله فقال النبي صلى الله عليه و سلم (والله إني لرسول الله وإن كذبتموني اكتب محمد بن عبد الله) . فقال له النبي صلى الله عليه و سلم (على أن تخلوا بيننا وبين البيت فنطوف به) . فقال سهيل والله لا تتحدث العرب أنا أخذنا ضغطة ولكن ذلك من العام المقبل فكتب فقال سهيل وعلى أنه لا يأتيك منا رجل وإن كان على دينك إلا رددته إلينا.

*“Suhayl datang lalu berkata: Bawalah penulis, saya ingin menulis perjanjian di antara kami dengan pihak tuan. Nabi SAW memanggil penulis, lalu bersabda: Tulislah dengan memulai Bismillahirrahmanirrahim (dengan Nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani). Kata Suhayl: Tuhan al-Rahman saya tidak tahu siapa dia, tetapi tulislah: Dengan nama Engkau, wahai Allah. Orang-orang Islam yang menghadiri perjanjian itu berkata: Demi Allah kami tidak akan menuliskannya kecuali dengan memulai dengan ungkapan Bismillahirrahmanirrahim. Sabda Nabi SAW: Tulislah: dengan nama Engkau wahai Allah. Seterusnya baginda bersabda: Inilah perjanjian yang telah diputuskan oleh Muhammad Rasulullah SAW. Kata Suhayl: Demi Allah, sekiranya kami tahu tuan adalah pesuruh Allah, sudah tentu kami tidak akan menghalang tuan dari menuju ke Baitullah dan kami juga tidak akan memerangi tuan, tetapi tulislah: Muhammad bin Abdullah. Nabi SAW bersabda: Demi Allah sesungguhnya saya adalah pesuruh Allah, sekalipun tuan-tuan sekelian tidak mempercayai saya. Tulislah: Muhammad bin Abdullah. Seterusnya Nabi SAW bersabda: Hendaklah anda memberi ruang kepada kami untuk melakukan tawaf di Baitullah. Jawab Suhail: Demi Allah, orang-orang Arab tidak akan bercakap, kami diminta berbuat demikian secara paksa, sebaliknya tawaf itu boleh dilakukan pada tahun hadapan. Penulis menulis apa yang diucapkan beliau. Seterusnya Suhayl berkata: Selain daripada itu, mana-mana lelaki dari kalangan kami berkunjung ke tempat tuan di Madinah sekalipun satu agama dengan tuan, hendaklah dipulangkan kembali kepada kami.”<sup>83</sup>*

Dalam perjanjian di atas, Rasulullah SAW bersetuju menggugurkan empat perkara iaitu:

- a) Menulis *Basmalah* pada awal perjanjian
- b) Menulis ungkapan Muhammad Rasulullah
- c) Melakukan tawaf pada tahun itu
- d) Tidak mengembalikan orang Islam Mekah yang berkunjung ke Madinah kepada pihak Quraisy di Mekah.

Keempat-empat perkara ini adalah isu besar dalam kehidupan Baginda SAW dan umat Islam. Ia bukan isu pertembungan amalan sunnah yang bersifat wajib dengan yang bersifat sunat, sebaliknya amalan sunnah bersifat wajib

---

<sup>83</sup> Al-Bukhārī (1411H/1991M), *op. cit.*, j. 3, Kitāb al-Shurūṭ, no. hadis 2731, h. 236.

dengan yang wajib juga, tetapi Baginda memilih amalan wajib yang lebih mendatangkan kemaslahatan kepada ummah dan masa hadapan mereka. Sikap ini diambil Baginda SAW dengan sebab kejahilan, kedegilan dan keberterusan Suhayl bin Amru yang tidak mahu mendengar pandangan Rasulullah SAW. Keputusan yang dibuat oleh Rasulullah SAW di atas, mendatangkan masalah yang kuat dan membendung keburukan yang lebih besar. Tindakan Baginda itu termasuk ke dalam ertikata membendung salah satu dari dua kemudaratan yang besar dengan menanggung kemudaratan yang lebih kecil.<sup>84</sup> Ini selaras dengan kaedah fiqh:

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

*“Apabila bertembung di antara dua bentuk kemudaratan, hendaklah diraikan yang lebih besar kemudaratanya dengan melakukan yang lebih kecil kemudaratanya.”<sup>85</sup>*

Mengaitkan pemakaian serban ketika menunggang motosikal dengan pemakaian serban orang-orang Sikh yang dibenarkan ketika menunggang motosikal, adalah tidak tepat dari banyak sudut seperti melibatkan sunnah bangsa yang bukan beragama Islam, pemakaian serban dalam kalangan orang Islam tidak wajib, sedangkan pemakaian serban bagi orang Sikh adalah lambang yang wajib dilakukan<sup>86</sup> dan serban yang dipakai oleh masyarakat Sikh itu sendiri juga tidak mampu menyelamatkan kepala seseorang daripada kecederaan jika terlibat dalam kemalangan jalan raya.<sup>87</sup>

## KESIMPULAN

Daripada kupasan yang dibuat di atas dapatlah dirumuskan pemakaian serban merupakan antara sunnah Rasulullah SAW, yang hukumnya adalah harus sahaja. Orang yang memakainya dengan tujuan mengikut cara Rasulullah SAW berpakaian sebagai tanda kasih kepada Baginda SAW telah melakukan satu

<sup>84</sup> Ibn al-Qayyīm al-Jawziyyah (1399H), *Zād al-Ma‘ād Fī Hadyi Khayri al-‘Ibād*, j. 3, Tahqiq Syu‘aib al-‘Arna‘ūt dan Abd al-Qādir al-‘Arna‘ūt. Bayrūt: Mu‘assasah al-Risālah, h. 36.

<sup>85</sup> Al-Sadlān (1417H), *op.cit*, h. 527.

<sup>86</sup> Aman Daiman bin Md. Zain (2001), “Lambang-Lambang Agama Sikh Di Kelantan: Suatu Kajian Kritis Menurut Ajaran Islam” (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), hh. 83-84.

<sup>87</sup> Temu bual bersama Abd Rahman Emang Anyie, Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu, 16 April 2009.



amalan yang terpuji dan mendapat pahala dari sisi Allah. Walau bagaimanapun pemakaiannya ketika menunggang motosikal di jalan raya yang sibuk dengan berbagai-bagai kenderaan, adalah kurang sesuai, sebaliknya yang lebih sesuai adalah topi keledar, kerana lebih mampu menyelamatkan kepala dan otak seseorang daripada kecederaan jika berlaku kemalangan, walaupun dikecualikan memakainya kepada lebai, Sikh dan seumpamanya. Pengecualian yang diberikan pihak berkuasa lebih berbentuk meraikan budaya dan adat masyarakat dan tidak melihat kepada kemampuan serban itu sendiri dalam mengelakkan kecederaan kepada bahagian kepala dan otak, ketika berlaku kemalangan. Hakikat ini perlu diakui oleh seluruh umat Islam di negara ini, memandangkan Islam mewajibkan rakyat jelata mentaati pemerintah dalam arahan-arahan yang tidak berbentuk maksiat.

Pemakaian topi keledar ketika menunggang motosikal wajar diutamakan, memandangkan Syarak sendiri sangat menekankan penjagaan *darūriyāt* yang lima yang mana nyawa salah satu daripadanya. Topi keledar yang baik dan dipakai pula dengan kemas mengikut peraturan, mampu mengelakkan kecederaan pada bahagian kepala dan otak apabila penunggang terjatuh ke atas jalan dalam kemalangan. Sebaliknya serban melibatkan lilitan kain pada sebahagian kepala dan tidak melindungi bahagian belakangnya. Ia tidak dapat berfungsi sebagaimana topi keledar. Ia juga termasuk ke dalam perkara *taḥsīniyāt*. Dari segi Fiqh Keutamaan, menjaga perkara *darūriyāt* hendaklah didahulukan berbanding dengan perkara *taḥsīniyāt*. Selain daripada itu oleh kerana kebiasaan orang-orang Islam yang memakai serban adalah orang-orang alim, pelajar agama dan seumpamanya, kematian mereka kerana kemalangan ketika menunggang motosikal sangat merugikan ummah dan Islam itu sendiri dan tidak sama dengan kematian orang awam biasa.

Taat kepada pemerintah merupakan amalan yang wajib dilakukan oleh setiap umat Islam dalam perkara yang tidak berbentuk maksiat, manakala memakai serban adalah harus sahaja. Dari segi Fiqh Keutamaan, amalan yang wajib hendaklah didahulukan berbanding dengan amalan sunat dan tidak boleh mendahulukan amalan sunat mengatasi amalan yang wajib, kerana akan mencetuskan kepincangan dalam melakukan amalan yang mempunyai tahap-tahap yang berbeza. Apalagi keputusan pemerintah menghapuskan perselisihan yang berlaku dalam kalangan umat Islam berhubung sesuatu isu.

Menutup pintu kerosakan antara perkara yang ditekankan oleh Islam dan konsep melakukan kerosakan tidak terbatas kepada melakukan sesuatu perkara yang dilarang dari segi zatnya, bahkan juga melibatkan amalan sunnah yang tidak menepati sunnah itu sendiri, kerana sesuatu amalan sunnah tidak boleh

dilakukan semata-mata kerana ia merupakan sunnah Rasulullah, sebaliknya perlu juga mengambilkira tahap, masa, situasi dan keadaan. Memakai serban merupakan amalan sunnah, namun amalan sunnah ini tidak sesuai dilakukan ketika menunggang motosikal kerana di tempat ini penjagaan akal perlu diutamakan. Sehubungan dengan itu, dari segi Fiqh Keutamaan, pemakaian serban sewaktu menunggang motosikal boleh dilarang dan pemakaian topi keledar diwajibkan sebagai menutup pintu kerosakan kepada umat Islam.

Dengan itu juga, setiap orang Islam tanpa mengira siapa mereka baik orang tua, remaja, kanak-kanak, pelajar pondok mahupun lain-lainnya, perlu menggunakan topi keledar sewaktu menunggang motosikal, kerana lebih mampu mengelakkan kecederaan teruk pada bahagian kepala dan otak yang boleh mengancam keselamatan nyawa, berbanding dengan serban, walaupun diakui kemalangan jalan raya di kalangan orang-orang Islam yang memakai serban jarang berlaku, kerana mereka dikatakan bersopan dan mematuhi peraturan jalan raya dengan baik berbanding dengan orang lain. Kemaslahatan undang-undang jalanraya yang digubalkan oleh pihak berkuasa, tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, sebaliknya perlu dilihat dari semua aspek dan juga semua pihak atau dengan lain perkataan perlu melihat kemaslahatan yang bakal diperolehi oleh masyarakat secara umum. Sehubungan dengan itu, pemakaian serban tidak wajar dibenarkan ketika menunggang di jalan raya besar dan sibuk, malah juga di jalan raya kampung, kerana kemalangan tidak pernah mengenal orang dan juga tempat dan kewajipan menjaga keselamatan nyawa pula, tidak pernah terbatas kepada tempat dan masa tertentu, bahkan perlu dilakukan pada setiap tempat dan masa.

Walau bagaimanapun, dalam memakai topi keledar hendaklah seseorang itu berniat ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dengan tujuan menjaga keselamatan nyawa yang sangat ditekankan oleh Syarak dan sama sekali tidak berniat untuk memandang rendah atau sebagai helah untuk mengelakkan diri daripada memakai serban itu sendiri yang merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW. Umat Islam disarankan supaya mengamalkan sikap terbuka dalam berdepan dengan isu ini dan melihatnya dari sudut yang positif.

Kajian ini walau bagaimanapun merupakan kajian yang masih berada pada peringkat awal dan banyak aspek lain yang boleh dikaji oleh pengkaji seterusnya seperti statistik penunggang motosikal yang berserban, peratusan pelajar pondok dan sekolah agama yang berserban ketika menunggang motosikal, kedudukan orang-orang yang dikecualikan dari memakai topi keledar dan sebagainya.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Mun‘im, Maḥmūd ‘Abd al-Raḥman (1419H/1999M), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt Wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*, j. 2. al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah.
- Abd al-Mun‘im, Maḥmūd ‘Abd al-Waḥḥāb (1407H), *al-Ḥikam al-‘Atā’iyyah*. al-Qāhirah: Jam‘iyyah ibn ‘Atā’illah al-Islāmiyyah.
- Abd Rahman Emang Anyie, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Terengganu. Temubual pada 16 April 2009.
- ‘Abd al-Salām, ‘Iz al-Dīn (1400H/1980M), *Qawā‘id al-Aḥkām Fī Maṣāliḥ al-Anām*, j.1. Bayrūt: Dār al-Jīl.
- ‘Abu Dāwūd, Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajastāniy (1371H/1952M), *Sunan Abī Dāwūd*, j. 4. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Aman Daiman bin Md. Zain (2001), “Lambang-Lambang Agama Sikh Di Kelantan: Suatu Kajian Kritis Menurut Ajaran Islam” (Disertasi, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Anbariy, Khalid Ali Muhammad al- (2008), *Sistem Politik Islam*. Zahazan Mohamed *et al.* ( terj.). Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Asqalānī, Ibn Ḥajar al- (1407H), *Fatḥ al-Bari Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 16. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Azman Mahmood (2009), “Kelonggaran Ketika Menunggang Motosikal Mesti Jelas dan menyeluruh”, *Berita Harian Online*, 25 Mac 2009.
- Bukhārī, Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismā‘il bin Ibrāhīm al- (1411H/1991M), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 7. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-, “Ḥukm Labsi al-‘Imāmah”, <http://www.bouti.com/qsearch.php>, 3 Jun 2009.
- Ghazālī, Abu Ḥāmid al- (1406H/1986M), *Mukhtaṣar Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Bayrūt: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.
- Ghazālī, Abu Ḥāmid al- (1322H), *al-Muṣṭasfā*, j. 1, al-Qāhirah: al-Maṭba‘ah al-Amīriyyah.
- <http://www.alifita.com/>, 9 April 2009.
- “Ḥukm Labsi al-‘Imāmah Fī al-Islām”, <http://www.binbaz.org>. 8 April 2009.
- Ibn Mājah, Abu ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, j.2. Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabiyyah.

- Ibn al-Qayyīm al-Jawziyyah, Abu Bakr (1392H/1972M), *Madārij al-Sālikīn Bayna Manāzil Iyyāka Na‘budu Wa Iyyāka Nasta‘īn*. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-Arabiyy.
- Ibn al-Qayyīm al-Jawziyyah, (1422H/2005M), *Zād al-Ma‘ād*, j. 1. al-Qāhirah: Dār al-Haitham.
- Ibn al-Qayyīm al-Jawziyyah, ( 1399H ), *Zād al-Ma‘ād, Fī Hadyi Khayri al-‘Ibād*. Tahqiq al-Shaykh Syu‘aib al-Arna’ūt dan ‘Abd al-Qādir al-Arna’ūt, j. 3. Bayrut: Mu’assah al-Risalah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din (t.t.), *Majmū‘ Fatāwā*. j. 1. Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- “Inisiatif Pemakaian Topi keledar Sri Andalas, Klang Selangor”, <http://www.jkjr.gov.my/Akhbar-Inisiatif-Pemakaian-Topi-Keledar.html>, 23 Ogos 2008.
- ‘Izzi, ‘Abd al-Mun’im Ṣāliḥ al-Aliy al- (1417H/197), *Tahdhīb Madārij al-Sālikin*. al-Qāhirah: Dār al-Tawzī‘ Wa al-Nashri al-Islāmiyyah.
- Kaedah-kaedah Motosikal (topi keledar) 1973 ( P.U. (A) 43/1973).
- Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Kes Pelajar Pondok Disaman Kerana Tidak Pakai Topi Keledar Didengar 19 Januari”, <http://www.sinarharian.com.my/>, 4 Jun 2009.
- Khaṭīb, Muḥammad ‘Ajāj al- (1414H/1994M), *Uṣūl al-Ḥadīth ‘Ulūmuhu Wa Muṣṭalāḥuh*. Jeddah: Dār al-Manārah Li al-Nasyri Wa al-Tawzī.
- Kūkasal, Ismāil, (1421H/2000M), *Taghayyur al-Aḥkam Fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Bayrūt: Mu’assasah al-Risalah.
- Maktabah Fatwā, <http://www.ibnothaimeen.com/>, 9 April 2009.
- Mubārakpūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman bin ‘Abd al-Rahīm al- (1410H/1990M), *Tuḥfah al-Ahwazī Syarah Jāmi‘ al-Tirmidhī*, j. 5. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad Nur Lubis (1999), *Mengapa Tidak Berserban?*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj (1401H/1981M), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 1. Istanbul: Cagri Yayinlari.
- Namir, ‘Abd al-Mun’im al- (t.t.), *al-Sunnah Wa al-Tasyrī‘*. Miṣr: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

- “Pakai Serban: Pelajar Enggan Bayar Saman”, <http://www.utusan.com.my/>, 20 Januari 2009.
- Qāḍī, Muḥammad ‘Abd al-Ḥakīm al- (1409H/1989M), *al-Libās Wa al-Zīnah Min al-Sunnah al-Muṭahharah*. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1990), *Madkhal Li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1995), *Fī Fiqh al-Awlawiyāt Dirāsah Jadīdah Fī Ḍaw‘i al-Qur‘an Wa al-Sunnah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1417H/1997M), *Min Fiqh al-Dawlah Fī al-Islām*. al-Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1420H/1999), *Taysīr al-Fiqh Li al-Muslim al-Mu‘āṣir*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1420H/1999M), *al-Sunnah Wa al-Bid‘ah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1412H/1992M), *al-Madkhal Li Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Reḍā, Muḥammad Rashīd (1970), *Fatāwā Muḥammad Rashīd Reḍā*, j.2. al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Jadīdah.
- Sadlān, Ṣāliḥ bin Ghānim al- (1417H), *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah al-Kubrā*. Al-Riyāḍ: Dār al-Balansiyyah.
- Salmah Mat Husain (2007), “Kesedaran Pakai Topi Keledar Masih Rendah”, <http://www.harakahdaily.net/>, 8 November 2007.
- “Saman Pelajar Berserban Agar Elak Jadi Trend”, <http://www.utusan.com.my/>, 20 Januari 2009.
- “Saman Pelajar Pondok, Elak Penunggang Jadikan Sarban Trend”, <http://www.utusan.com.my/>, 21 Januari 2009.
- Ṣaqr, ‘Abd al-Badī‘ (1401H/1981M), *al-Waṣāyā al-Khālīdah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Serban, <http://ms.wikipedia.org/wiki/>, 6 April 2009.
- Statistik Kenderaan Darat, <http://www.mot.gov.my/>, 10 April 2009.
- Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alīy al- (1415H/1995), *Nayl al-Awṭār Min Aḥādīth Sayyīd al-Akhyār Syarah Muntaqā al-Akhhār*, j. 2, c. 2. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Ṭabrānī, Sulaymān bin Aḥmad al- (1422H/2002M), *al-Mu'jam al-Kabīr*, j. 2. Bayrūt; Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy.
- Tirmidhī, Abu 'Isā al- (1401H/1981H), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 4, Istanbul: Cagri Yayinlari.
- Tirmidhī, Abu 'Isā al- (1420H/1990H), *al-Syamā'il al-Muḥammadiyyah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'ūdiyyah: Dār al-Maṭbū'ah al-Ḥadīthah. "Topi Keledar", [http://ms.wikipedia.org/wiki/Topi\\_keledar](http://ms.wikipedia.org/wiki/Topi_keledar), 13 April 2007.
- Zarqā', Muṣṭafā al- (141(H/198M), *Syarah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Zaydān, 'Abd al-Karīm (1423H/2002M), *al-Wajīz Fi Uṣūl al-Fiqh*. Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Zuhaylī, Wahbah al- (1418H/1997M), *Nazariyyah al-Ḍarūrah al-Syar'iyyah Muqāranah Ma'a al-Qānūn al-Waḍ'ī*. Bayrūt: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.